

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Semua pihak diseru bantu tangani isu bunuh diri

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR - Agensi kerajaan dan bukan kerajaan diseru untuk memainkan peranan dan tanggungjawab bersama sebagai usaha bersepadu bagi mencari jalan penyelesaian menangani isu tingkah laku bunuh diri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bunuh diri berada antara sepuluh penyebab utama kematian di dunia dan penyebab kedua kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun.

"Di Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2017 mendapati tingkahlaku bunuh diri dalam

kalangan remaja berumur di antara 13 hingga 17 tahun menunjukkan peningkatan tren iaitu prevalen (kelaziman) idea ingin bunuh diri adalah 10 peratus berbanding 7.9 peratus pada tahun 2012.

"Selain itu, prevalen membuat perancangan untuk bunuh diri adalah 7.3 peratus (2017) berbanding 6.4 peratus (2012), manakala cubaan bunuh diri adalah 6.9 peratus (2017) berbanding 6.8 peratus (2012)," katanya dalam satu kenyataan semalam.



NOOR HISHAM

Katanya, semua pihak perlu bekerjasama membantu menangani masalah bunuh diri selari dengan tema Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia pada tahun ini iaitu *Working Together to Prevent Suicide* (Bersama Mencegah Bunuh



INDIVIDU yang mengalami kemurungan perlu dibantu bagi mengelak terlibat dengan perbuatan membunuh diri. - Gambar hiasan

Diri) yang menekankan *smart partnership* atau usahasama pintar melibatkan pelbagai pihak.

"Ini memandangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri

adalah di luar jangkaan kesihatan seperti komorbiditi gangguan mental, penyalahgunaan substans, masalah psikososial dalam keluarga, tragedi kehidupan, masalah hubungan dan

masalah kewangan.

"Bunuh diri boleh dicegah sekiranya ahli masyarakat mengambil tindakan untuk membantu apabila mengetahui terdapat ahli keluarga, sahabat atau orang yang dikenali mengalami krisis emosi," katanya.

Noor Hisham berkata, sekiranya terdapat tanda-tanda kemurungan atau berniat untuk membunuh diri oleh orang yang dikenali, langkah seperti ambil serius tentang masalah mereka, luangkan masa untuk mendengar keluhan dan berikan sokongan sosial boleh dilakukan sebagai pencegahan awal kecenderungan membunuh diri.

Individu yang mempunyai masalah berkaitan isu-isu kesihatan mental juga boleh mendapatkan bantuan melalui talian bebas tol 24 jam 03-7956 8145 yang dikendalikan oleh pihak *The Befrienders*.